



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN SYANIE HISHAM
PELAKON DAN PELAWAK**

OLEH:

NURUL A'IN BINTI NORDIN 2022785967

NUR TASHRINA AIREEN BINTI SAZLI 2022981905

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN SYANIE HISHAM
PELAKON DAN PELAWAK

OLEH:

NURUL A'IN BINTI NORDIN	2022785967
NUR TASHRINA AIREEN BINTI SAZLI	2022981905

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan keizinanNya kami dapat bersama-sama menyelesaikan tugasan dalam menghasilkan penulisan transkrip bagi kod program IMR604 PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN. Dikesempatan ini, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Nurulannisa Binti Abdullah, selaku pensyarah kami kerana telah meletakkan sepenuh kepercayaan beliau kepada kami untuk melaksanakan tugasan yang diberikan dan tidak berputus-asa untuk memberi tunjuk ajar kepada kami sepanjang menyempurnakan tugasan yang diberikan.

Sehubungan dengan itu kami ingin mengucapkan rasa terhutang budi dan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu untuk menyiapkan tugasan yang diberi sepanjang semester ini berlangsung.

Justeru dengan itu, tidak lupa juga kepada Puan Syanie Hisham atas jasa dan pengorbanan yang beliau telah curah untuk bersama-sama menjayakan tugasan ini. Masa yang diberi sememangnya tidak dapat dibalas dengan bentuk wang ringgit. Dengan segala rendah hati kami bersyukur dengan kesempatan yang diberi untuk menemu-bual seorang tokoh yang sangat berwibawa dan kesudian beliau yang tidak lokek untuk berkongsi tentang pengalaman sejarah di sepanjang hidup sebagai seorang pelakon dan pelawak.

Akhir kata, keberkatan kedua-dua ibu bapa juga penting dalam menjalankan tugas kami sebagai seorang anak dan seorang pelajar. Tanpa sokongan dan dorongan penuh daripada mereka, kami mungkin tidak dapat untuk menyempurnakan tugasan yang diberi. Sesungguhnya keberkatan dan keikhlasan dari kedua-dua insan yang bergelar ibu bapa amat penting untuk kita melakukan sesuatu.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	1
Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan.....	11
Bahagian 3: Sejarah dan Pengalaman.....	13
Bahagian 4: Pengalaman Kerjaya.....	17
Bahagian 5: Sumbangan.....	25
Bahagian 6: Harapan.....	27
Lampiran	
Log Wawancara.....	33
Diari Kajian.....	36
Senarai Soalan.....	38
Surat Pengesahan.....	42
Sijil Perjanjian.....	43
Gambar.....	44
Indeks.....	45

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temu bual ini dihasilkan bersama Puan Syanie Hisham yang merupakan seorang pelakon dan pelawak Wanita Malaysia. Kajian ini dihasilkan bertujuan untuk mengenali tentang biografi seorang pelakon tanah air yang telah banyak berjasa dalam bidang lakonan. Beliau yang merupakan seorang pelakon dan pelawak veteran yang telah lama bergiatan dalam bidang seni. Sepanjang kajian ini berlangsung, kami peroleh sedikit sebanyak pengetahuan berkaitan pelakon tanah seni ini. Puan Syanie Hisham juga merupakan anak sulung daripada tiga orang adik beradik dan seorang anak yang sangat rapat dengan ibunya. Susulan dengan itu, temu bual ini juga telah merongkai kehidupan disebalik kaca televisyen tentang kehidupan pelakon-pelakon tanah air yang banyak menceriakan warga Malaysia pada suatu ketika dahulu.*

Kata kunci: *syanie hisham, pelakon, pelawak, veteran, senario, syanie*

ABSTRAK

Abstract: *This interview was conducted with Malaysian actress and comedian Puan Syanie Hisham. This study was created with the goal to discover about the life of a native actress who has made significant contributions to the art of acting. She is an experienced actor and comedian who has been involved in the entertainment industry for a long time. Throughout the research, we learned about the characters in this industry. Puan Syanie Hisham is the eldest of three siblings and a very close child to her mother. Following that, this interview has also shown the life behind the television screen of the country's actors who once cheered up Malaysians.*

Keywords: syanie hisham, actor, comedian, veteran, scenario, syanie hisham

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama	: Syaniza Binti Hisham
Umur	: 49 Tahun
Tarikh lahir	:
Tempat lahir	: Petaling Jaya, Selangor
Alamat	:
	:
Bilangan adik beradik	: Berkahwin
Status	: Zahril Hafiz
Nama pasangan	: Pelakon dan pelawak
Bidang kerjaya	: Memasak
Hobi	:
No. telefon	:
Alamat e-mail	

PENGENALAN

PENGENALAN

Skop kajian ini dijalankan adalah sebagai tanda menghargai pelakon-pelakon tanah air yang sering menceriakan warga Malaysia pada suatu masa dahulu. Temubual ini lebih memfokuskan biografi dan pengenalan yang lebih dekat tentang kehidupan beliau dari bermulanya kerjaya sehingga kini.

Seperti yang kita sedia maklum, suatu ketika dahulu rakyat Malaysia sering dihiburkan oleh pelawak-pelawak tanah air seperti kumpulan Senario, Aziz Sattar, Saiful Apek dan banyak lagi. Namun pun begitu, tidak lupa juga nama yang sering disebut dengan kecomelan beliau iaitu Syanie Hisham. Beliau yang memulakan kerjayanya sebagai seorang pelakon dan kemudiannya menceburkan diri ke dalam bidang pelawak secara tidak langsung telah mencipta sejarah abadi di dalam kehidupannya.

Sehingga kini, Syanie Hisham masih juga melibatkan dirinya di dalam bidang lakonan bersama-sama pelakon tanah air yang lain walaupun tidak seringkali seperti dahulu. Dek kerana usia yang kian mengejar, beliau lebih banyak meluangkan masa bersama keluarga tercinta sambil melakukan perniagaan secara kecil-kecilan.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisahkan tentang kisah seorang pelakon dan pelawak tanah air iaitu Syaliza binti Hisham atau lebih dikenali sebagai Syanie. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 26 Jun 2023 bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 2:40 petang di platform Google Meet secara langsung. Temubual ini dikendalikan oleh Nurul A'in Binti Nordin dan Nur Tashrina Aireen Binti Sazli. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

SH: Puan Syanie Hisham

TA: Tashrina Aireen

NA: Nurul A'in

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

TA : Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.
Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni. Bersama-sama kami ialah Puan Syanie Hisham yang merupakan seorang Pelakon dan Pelawak Wanita Malaysia dari tahun 1992 hingga kini. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 26 Jun 2023 bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 2:40 petang di platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Nurul A'in Binti Nordin dan Nur Tashrina Aireen Binti Sazli. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

NA : Baiklah. Kita akan mulakan dengan latar belakang. Bolehkah Puan berikan nama penuh?

SH : Nama penuh saya Syaniza binti Hisham.

TA : Soalan seterusnya, bilakah Puan dilahirkan dan dimanakah tempat lahir puan?

SH : Saya dilahirkan pada 7 Mei tahun 1974 di Hospital Assunta, Petaling Jaya,

Selangor.

- NA : **Baik. Apakah nama gelaran yang diberikan kepada puan selain “Syanie”? dan bolehkah puan ceritakan tentang latar belakang kehidupan puan?**
- SH : Saya selain daripada nama Syanie *tu* [itu] saya rasa tiada nama gelaran lain kecuali bila dah menjadi isteri ada lah panggilan daripada suami, itu berbeza sama sekali lah kan (ketawa). Saya anak sulung daripada tiga orang adik beradik seibu sebapa, tetapi bila ibu dan ayah saya berpisah- saya ada adik-adik daripada perkahwinan emak yang lain dan perkahwinan ayah yang lain jadi secara ringkasnya saya sulung kepada 10 orang adik-beradik.
- TA : **Okay [baiklah]. Jadi, apakah perkara menarik yang boleh puan berikan tentang diri puan dan mengenai latar belakang puan, bolehkah puan ceritakan berapakah jumlah bilangan adik-beradik dan serba sedikit tentang mereka?**
- SH : *Okay [baiklah]-* kalau saya nak cakap yang menarik tentang saya macam puji diri sendiri tetapi bagi diri saya lah, saya seorang yang *straightforward* [berterus-terang] dalam segala hal dan saya bukan jenis seorang yang mencari kontroversi, saya jenis yang *happy go lucky* [ceria] dan saya mengamalkan sikap senyum selalu dan *live life to the fullest* [menjalani hidup dengan sepenuhnya] *haa* [ya] itu perangai saya. Adik-beradik macam yang saya cakap tadi lah termasuk saya ada tiga orang adik beradik seibu sebapa, saya cerita yang itu saja lah yang lain *tu* [itu] rapat memang rapat cuma sebelah ayah *tu* [itu] tak berapa rapat tetapi saya ada adik perempuan dan adik lelaki yang adik perempuan saya *tu* [itu] empat tahun lebih muda daripada saya dan adik lelaki tujuh tahun lebih muda daripada saya. Semua dah berkahwin tapi malang sekali adik saya yang perempuan dah berpisah dan saya ada dua orang anak buah daripada perkahwinan adik lelaki saya- selain daripada itu *life* [hidup]] kami *simple* [sederhana] saja kami- memang rapat sebab kami dibesarkan dalam keadaan ibu ayah kami berpisah jadi kami mengamalkan sikap yang orang kata kalau ada masalah apa-apa kami cari adik beradik *so* [jadi] kita boleh dikatakan sangat rapat dari segi itu- kalau nak ikutkan ayah saya pun baru meninggal setahun lepas selain daripada *tu* [itu] adik beradik yang lain *tu* [itu] rapat tapi tak [tidak]

serapat tiga orang *ni* [ini] *haaa* [ya] tapi adik-adik yang membesar dengan kami daripada hasil perkahwinan ibu saya yang lain ada dua orang lagi lelaki (sambil mata pandang keatas, cuba untuk mengingati) *sorang* [seorang] 17 tahun muda daripada saya *sorang* [seorang] lagi 20 tahun lagi muda daripada saya jadi mereka rapat dengan saya sebab memerlukan pertolongan kakak dia *haaa* [ya] *gitu* [begitu] (ketawa).

- NA : (mengangguk) *Okay* [baiklah] baiklah. Kita pergi ke soalan seterusnya, berkaitan dengan kehidupan puan dan adik beradik, dimanakah lokasi puan pernah menetap?
- SH : Kami membesar di Taman Tun Dr Ismail, sebelum *tu* [itu] saya menginap di Damansara Utama tetapi *lepastu* [selepas itu] kami pindah ke Taman Tun Dr Ismail dan sebelum ke rumah yang sekarang *ni* [ini] pada tahun 2002 jadi banyak masa kami, kami habiskan di rumah *Taman Tun* [Taman Tun Dr Ismai] --- adik-beradik- cuma bila dah kahwin *dia orang* [mereka] masing-masing pindah cuma sekarang *ni* [ini] saya dan adik perempuan duduk dengan emak di Tropicana.
- TA : *Okay* [baiklah] jadi soalan seterusnya, apakah hobi atau perkara yang telah menjadi kebiasaan puan setelah dewasa?
- SH : Hobi saya adalah melancong, saya suka menyanyi dan saya suka menari, (mengangguk) tapi itu dulu lah masa muda ha sekarang *ni* [ini] dah dewasa kurang lah menari kan tetapi saya suka melancong dan karaoke. Dan saya paling suka sekarang memasak, itu dikira hobi juga lah sebab bila bosan-bosan dekat rumah tak tahu apa nak buat saya masak (senyum).
- NA : Baik. Seperti yang sedia maklum, puan telahpun berkahwin jadi bolehkan puan ceritakan sedikit tentang pasangan puan dan dimanakah puan bertemu dengannya?
- SH : *Okay* [baiklah]], secara klisenya kami bertemu di *Facebook* [muka buku] (ketawa) secara *online* [dalam talian]. Pada mulanya saya memang--- setelah kegagalan rumahtangga yang kedua saya tidak memikirkan untuk berumah tangga lagi tetapi inilah yang dikatakan jodoh kan? (mengangguk) Pada awalnya memang saya *tak* [tidak] layan dia di *Facebook* [muka buku] *tapi* [tetapi] orang

kata jodoh dan pertemuan ditangan Allah SWT, saya jumpa dia kerana dia seorang-egen *Unit Trust* [Unit Amanah], perunding kewangan jadi saya ada satu akaun yang saya memerlukan seorang egen jadi itulah secara *tak* [tidak] sengaja saya kata, “*Okay* [baiklah] lah saya cuba lah dengan awak kerana *Unit Trust* [Unit Amanah] ini”. Jadi bila kita berkenalan masa *tu* [itu] saya nampak keikhlasan dia dan saya secara tidak langsung menerima dia sebagai suami tetapi (suara menegaskan) pada awal saya kenal itu saya cakap, “Kalau betul *nak* [mahu] kawan dengan saya, saya *tak nak* [tidak mahu] main-main dan *tak nak* [tidak mahu] bercinta lama-lama kalau betul kita kahwin”. Tapi niatnya saya *nak* [mahu] menakutkan dia sebab kita baru kenal *masa tu* [semasa itu] saya *tak* [tidak] sangka lah pula bila saya cakap macam itu dia kata, “*Okay* [baiklah] saya akan jumpa dengan mak awak”. Saya macam diam seketika (senyum) sebab saya ingatkan, “*Okay* [baiklah] *aku* [saya] dah takutkan *kau* [awak] boleh blah [pergi] lah” (nada bergurau). Tetapi bila dia jumpa dengan *mummy* [emak], dia kata, “*Mummy* [emak], saya betul-betul sayangkan Syanie, saya betul-betul *nak* [mahu] jaga dia dan memperisterikan dia, saya *tak* [tidak] boleh janjikan bulan dan bintang tetapi Inshaallah sekadar untuk membuat dia *happy* [gembira] saya akan lakukan”. Yang pada awalnya *mummy* [emak] pun *tak* [tidak] berapa nak dengar Syanie (aju pada diri sendiri) *ni* [ini] kahwin *tapi* [tetapi] dia kata, “*Okay* [baiklah] lah kalau macam *ni* [ini] lah caranya *okay* [baiklah] *mummy* [emak] setuju”. *So* [jadi] bila *mummy* [emak] *dah* [sudah] kata setuju kita berkenalan selama 6 bulan, bertunang dan 6 bulan kemudiannya kita bernikah *so it was a short* [jadi ia adalah singkat]--- boleh dikatakan pendek lah perkenalan kita setahun sahaja sebelum berumahtangga dan kami sudah berumahtangga selama 2 tahun. Alhamdulillah, *so far so good* [setakat ini baik] (senyum) orang kata- (ambil berfikir) saya mempunyai seorang suami yang sangat jujur dalam segala yang pernah dipertuturkan, dia bukan jenis yang--- dia *very positive* [sangat positif] dan itu yang membuatkan saya seronok sebab saya boleh berbincang dengan dia dan dia banyak membantu saya dalam memberi saya semangat untuk meneruskan- hari-hari saya walaupun saya tidak berlakon, kurang berlakon *ke apa* [atau apa] dia ada--- macam saya kata--- tak apa rezeki itu ada, buat saja kerja *ni* [ini] Inshaallah rezeki itu datang. Saya tak--- sebelum ini mungkin saya tak- saya tak menerima *support* [sokongan] yang macam itu

daripada perkahwinan yang sebelum ini jadi bila menerima sokongan daripada suami macam *ni* [ini] saya lebih tenang dan lebih mudah menguruskan segala urusan saya hari-hari (senyum).

- TA : **Alhamdulillah. Jadi, soalan seterusnya apakah perkara yang menyebabkan puan terdetik untuk melibatkan diri dalam bidang lakonan dan seterusnya bolehkah puan ceritakan penglibatan awal puan kedalam industri lakonan dan bidang seni ini? (senyum)**
- SH : Sebenarnya kalau *nak* [mahu] ikutkan saya *tak* [tidak] ada terlintas langsung (suara menegaskan) langsung *tak* [tidak] terlintas untuk menjadi seorang pelakon sebab bagi saya semasa saya muda saya memikirkan saya *nak* [mahu] jadi cikgu ataupun seorang peguam ataupun ahli perniagaan. Tetapi bila ibu saya buka *production* [produksi] --- sebenarnya secara *tak* [tidak] sengaja *production house* [syarikat produksi] pun, bila dibuka--- *production house* [syarikat produksi] niat awalnya hanya untuk *supply* [bekal] program ke stesen *TV* [televisyen]. Tetapi bila ramai orang mula--- semasa itu *tak* [tidak] ramai orang yang ada *production house* [syarikat produksi] dia kata, “*Okay* [baiklah] lah mari kita cuba buat drama”. *So* [jadi] semasa buat drama *tu* [itu] seronok tengok--- selepas itu tiba-tiba mereka datang ke *office* [pejabat] dia kata, “*Okay* [baiklah] kita perlukan *extra* [tambahan]” semasa itu saya baru umur berapa belas tahun datang melepak di *office* [pejabat] ibu. *So* [jadi] mereka mengajak saya dan saya pun *okay* [baiklah] seronok-seronok jadi *extra* (tambahan), seronok-seronok macam kononnya nampak belakang, nampak tepi semua dan *tak* [tidak] ada terfikir langsung pada waktu itu. Tetapi pada tahun 1991 semasa saya sedang tunggu *result* [keputusan] SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] saya tengah *relax-relax* [santai-santai] dan saya di- diberikan *offer* [tawaran] oleh *production house* [syarikat produksi] bernama ‘Azman Advertising’, bukan *production* [produksi] ibu saya sendiri [isyarat tangan] tetapi *production* [produksi] lain. Dia yang *offer* [tawaran], “Syanie *nak* [mahu] *tak* [tidak] berlakon?” dan saya pun semasa itu saya macam *best* [seronok] *ke* [atau tidak]? Seronok *ke* [atau tidak]? Boleh lah daripada *tak* [tidak] buat apa-apa tengah tunggu *result* [keputusan] SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] dan saya pun, “*Okay*

lah boleh lah” (sambil bergerak ke kiri ke kanan). So [jadi] saya berlakon *under* [bawah] ‘Azman Advertising’ [nama syarikat produksi] bukan *under* [bawah] ‘Nizarman’ [nama syarikat produksi] ataupun syarikat ibu saya sendiri. So [jadi] *first* [pertama] drama saya adalah ‘Sayang Si Montel’ tajuk dia, kami berlakon dan selepas saya berlakon yang itu abang Aziz [pengarah produksi] memang ada *shooting* [penggambaran] untuk ‘Nizarman’, dia panggil saya untuk drama bersiri ‘Cili Padi’, itu pun dua episod sahaja. Selepas itu, Azwan Ali panggil saya untuk ‘Lontong’ [tajuk drama]. Pada awalnya saya tanya kepada Azwan Ali, “Abang Azwan betul *ke* [ya] nak [mahu] Syanie berlakon?” sebab saya bukan pelakon dan saya *tak* [tidak] anggap diri saya pelakon semasa itu. Azwan Ali kata, “Betul. Awak yang dalam ‘Cili Padi’ yang masukkan Anne Ngasri dalam beg itu kan?”. Saya mengaku dan Azwan Ali *nak* [mahu] saya berlakon. So [jadi] itulah permulaan saya sebagai seorang pelakon dan macam mana saya boleh terjebak dalam industri *ni* [ini] semasa tunggu *result* [keputusan] tahun 1991.

NA : **Baiklah, berkaitan dengan cara puan terlibat dalam bidang seni, siapakah pendorong yang memberi semangat kepada puan untuk meneruskan bidang ini?**

SH : (senyum) Boleh dikatakan keluarga lah, emak saya terutama sekali dan adik beradik saya sebab bagi dia orang ini adalah punca rezeki bukan kerana--- saya memang *tak* [tidak] pernah berlakon untuk *glamour* [glamor], saya *tak* [tidak] pernah berlakon untuk dikenali, saya cuma fikir macam, “Ooo bagus juga boleh buat duit *ni* [ini], boleh cari rezeki *ni* [ini]”. Jadi bagi saya setiap *offer* [tawaran] yang saya dapat ini duit saya untuk buat apa-apa. So [jadi] keluarga sentiasa cakap, “Syanie *okay* [baiklah] juga ni Syanie, boleh buat simpan duit”.

Jadi- bagi saya *career* [karier] saya sebagai seorang pelakon *ni* [ini] lebih banyak kepada mencari rezeki dan punca pendapatan saya sendiri. Sebab itu keluarga--- terutama sekali ibu saya *haaa* [ya] dia adalah paling mendorong untuk--- bukanlah untuk berlakon banyak-banyak, tidak, tetapi dia kata kalau ada *offer* [tawaran] pergilah. Tetapi dia sentiasa mengingatkan saya baca dulu skrip sebelum terima apa-apa watak sebab dia *tak nak* [tidak mahu] cerita itu

(menunjukkan kepada sesebuah drama) membuatkan saya nampak *bodo* [tidak berguna], mempergunakan saya sebagai seorang yang berbadan besar, di lawakkkan atau apa. Jadi biarlah ada *balance* [seimbang] *haaa* [ya] itu yang penting (senyum).

- TA : **Okay /baiklah] jadi, apakah pengalaman paling bermakna puan sepanjang berada dalam bidang seni?**
- SH : (mengangguk) bagi saya paling bermakna adalah (ambil mata memandang ke atas, cuba untuk mengingatkan peristiwa) saya bangga kerana boleh dikatakan saya banyak berlakon filem walaupun drama memang banyak lah sebab dah banyak tahun kan saya dalam industri ini kalau ikutkan tahun ini dah jadi 32 tahun dah (ambil mengira) berkira-kira sekejap kan (ketawa) sebab daripada umur 17 [17 tahun], saya dah 49 [49 tahun] so [jadi] dah [sudah] 32 tahun dalam industri. Bagi saya, saya rasa sebab saya banyak berlakon filem dan orang banyak mengenali saya daripada filem-filem yang saya lakonkan. So [jadi] saya rasa macam kepuasan sebagai seorang pelakon sebab saya dapat melalui generasi yang berbeza dari segi teknikal, lakonan, pengarahan. Terutama sekali dari segi teknikal, kita dari dulu sampai sekarang berbeza sangat (menunjukkan contoh) dia punya kamera dulu dengan sekarang, jadi saya rasa seronok itu lah.
- NA : **Baik puan, seperti yang kita tahu dalam filem ‘Sayang Si Montel’, selepas itu ‘Senario’ dan banyak lagi antara filem-filem dan drama-drama yang puan berlakon dari tahun 1992 yang manakah yang paling memberikan impak kepada kehidupan puan dan kerjaya?**
- SH : (memandang ke luar sambil berfikir) Saya rasa ‘Senario’ yang macam awak sebut tadi ‘Senario the Movie’ yang paling orang kenal sampai sekarang dan juga ‘Cinta Luar Biasa’ dan ‘Laila Isabella’. Dia sebenarnya (ambil menunjukkan isyarat tangan) asalkan saya ada dengan Apek, itu yang orang paling ingat (senyum). Sampai bila-bila pun orang akan ingat Syanie dan Apek adalah gandingan yang hebat kononnya lah kan (ambil berseloroh) (ketawa) dan saya rasa kalau drama saya boleh katakan ‘Lontong’ ataupun ‘Sambal’ sebab itu yang betul-betul membuatkan saya seorang pelakon dan melonjakkan nama

saya dalam industri dan ‘Senario’ mungkin juga kombinasi antara saya dan budak-budak ‘Senario’ semasa itulah budak-budak kan (ketawa) kita orang masih muda semasa itu, kombinasi kami *tu* [itu] membuatkan filem itu meletup dan membuatkan saya dikenali di dalam Malaysia ini *so* [jadi] saya bersyukur sangat dan saya amat berterima kasih kepada pengarah abang Aziz M Osman dan juga Azwan Ali kerana membawa saya dalam industri ini lah.

- TA : *Okay [baiklah], selain daripada berlakon dan juga menjadi pelawak puan ada mengeluarkan album solo kan? (senyum) apakah maksud disebalik lagu tersebut?*
- SH : (ketawa) Sebenarnya saya *taknak* [tidak mahu] cerita pasal saya punya album *tu* [itu] sebab emak saya panggil itu album mengada-ngada sebab tiba-tiba *nak* [mahu] menyanyi *tapi* [tetapi] malang sekali sebenarnya album itu *tak* [tidak] terlancar pun sebab mengalami beberapa masalah seperti pengedar mengatakan (berfikir), “Sebagai pelakon *you* [awak] boleh laku tetapi sebagai penyanyi *you* [awak] *tak* [tidak] boleh laku sebab *you* [awak] gemuk”. *So* [jadi] album yang saya buat itu saya *print* [cetak] beberapa ribu *CD* [Cakera padat] *last-last* (akhirnya) saya buang saja dan jual dekat *recycling* [kitar semula] *so* [jadi] dekat saya tinggal sedikit saja. Tetapi kalau ikutkan apa yang saya ingat, album itu bertajuk ‘KeranaNya’ bukan album nasyid atau apa tetapi wujudnya saya kerana Allah SWT dan wujudnya saya untuk keluarga saya dan sebab bagi saya, saya seorang kakak yang memang sayangkan adik-adik saya dan lagu-lagu dalam itu banyak yang memberi semangat kepada diri saya sendiri, kepada orang lain dan juga kekuatan saya sebagai seorang wanita walaupun orang lain *tak* [tidak] boleh dengar (ketawa) sebab album itu *tak* [tidak] pernah dilancarkan dan *tak* [tidak] pernah dikeluarkan dimana-mana cuma ada beberapa orang di Singapura yang dapat beli album *tu* [itu], sekarang nak mainkan *CD* [Cakera padat] pun *tak* [tidak] tahu dekat mana kan?
- TA : Betul (mengangguk)
- NA : Ya (mengangguk)
- SH : sebab *player* [merujuk kepada alat mainkan cakera padat] pun dah *tak* [tidak]

ada jadi itu lah dikata *mummy* [emak] album mengada-ngada. (senyum)

- NA : Begitu mendalam maksud disebalik lagu tersebut. (ketawa)
- SH : (ketawa)
- TA : (senyum)
- NA : **Okay [baiklah], seperti yang kita tahu pada tahun 2022 Puan Syanie pernah menjadi seorang watak didalam filem ‘Jaga Jaga Senariounion’---**
- SH: : Ya betul (mengangguk)
- NA : **---Bolehkan puan ceritakan sedikit tentang pengalaman sepanjang pembikinan filem ini?**
- SH : Saya pertama sekali bila abang Aziz *contact* [menghubungi] saya dia kata, “Syanie *nak tak* [mahu tidak] berlakon ‘Jaga Jaga Senariounion’?” Saya terus kata, “Nak!” Saya *tak* [tidak] fikir bajet sebab saya fikirkan dapat berganding semula dengan geng-geng ‘Senario’, itu satu. Kemudian, filem itu pun ditayangkan di Astro First sahaja kerana PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] *haaa* [ya] itu sajalah bagi saya ralatnya sebab orang *tak* [tidak] ramai yang ada Astro jadi *tak* [tidak] dapat nak tengok cerita itu. Tapi pengalaman semasa *shooting* [penggambaran] itu seronok sebab cerita itu dalam erti kata lain adalah *dark comedy* [komedi gelap] dimana kejadian di dalam filem itu dalam satu hari, saya seronok sebab *tak payah* [tidak usah] tukar baju banyak cuma baju yang sama, *tak payah* [tidak usah] fikir konti banyak apa semua dan pengalaman masa *shooting* [penggambaran] itu seronoknya sebab kita dapat berjumpa balik dengan geng-geng ‘Senario’ dan saya dapat bekerjasama *balik* [semula] dengan Apek dan keserasian kami tak hilang bila nak berlakon tu duduk sekali berborak memang macam dulu (mengimbau kenangan). *Tapi* [tetapi] berbezanya adalah kita semua dah berumur, bila duduk yang abang-abang kita *ni* [ini] terlelap tapi kalau dulu boleh bersempang sampai pagi. So [jadi] itu yang *kita orang* [kami] cakap masa itu, “Hai dulu kalau kata *break* [rehat] saja masing-masing *huhahuha* [bersempang], sekarang masing-masing duduk cari port *nak* [mahu] tidur saja” (ketawa). Selain daripada itu, pengalaman bekerja dengan pelakon-pelakon lain macam Am Raja Lawak, Risha, Badrul dan Bobby dari ‘Senario’

yang lama *so it was like* [jadi ia seperti] *reunion* [perjumpaan semula] lah untuk *kita orang* [kami] jadi pengalaman bekerja dengan abang Aziz pun sama dan berbezanya cuma dari segi teknikal dulu kita *shooting* [penggambaran] dengan *real* [sebenar] filem sekarang digital lebih mudah kalau salah boleh *take* [ambil] semula, kalau dulu salah kena marah dengan *director* [pengarah] *haaa* [ya] *so* [jadi] pengalaman itu berbeza sangat.

- TA : Seterusnya, seperti yang kita sedia maklum seluruh negara pernah dilanda virus covid-19 jadi apakah yang menjadi pendorong dan semangat puan untuk meneruskan kehidupan?
- SH : Itu lah masa Covid-19 berlaku, kita semua jadi macam hilang arah tuju, hilang punca pendapatan, masa tu [itu] *shooting* [penggambaran] memang *tak* [tidak] boleh dijalankan melainkan dengan orang kata- dengan kelulusan secara formal dari pihak-pihak tertentu, jadi semasa itulah saya mula mencari cara lain untuk mencari rezeki *so* [jadi] saya buat produk saya dari segi menjual *handsock* [sarung tangan], baju-baju *plus size* [saiz besar], jualan makanan sebab sebelum PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] saya memang ada jual *twisted pizza* [pizza] dimana saya pergi ke daerah-daerah lain tapi bila kita *tak* [tidak] dibenarkan ke daerah saya terpaksa berhenti buat *twisted pizza* [pizza] saya *so* [jadi] saya cari punca lain iaitu saya jual *handsock* [sarung tangan] dan baju-baju *plus size* [saiz besar] secara *online* [dalam talian] *so* [jadi] itulah cara saya yang termudah bagi saya pada ketika itu- nasib saya ada kawan yang memang menjahit *so* [jadi] dia tolong jahitkan dan itu yang saya buat.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- NA : *Okay [baiklah], baiklah.* Terima kasih diatas soalan tadi. Seterusnya kita akan beralih kepada soalan latar belakang pendidikan puan jadi dimanakan puan memulakan pendidikan awal dan dimanakah puan memulakan persekolahan rendah?
- SH : Awal masa saya sekolah tadika saya di sekolah Tadika Chin 1 *pastu* [selepas itu] ke Villa Maria kemudian Sekolah Rendah Damansara Utama selama tiga [3] tahun, kemudian pada setengah tahun darjah tiga [3] saya berpindah ke Sekolah Rendah Damansara Jaya sampai lah darjah enam [6]. Kemudian saya ke sekolah menengah saya masuk Sekolah Menengah Damansara Jaya sampai saya habis *form five* [tingkatan 5] (mengangguk sambil mengetap bibir).
- TA : **Baiklah jadi apakah tahap peringkat pengajian puan?**
- SH : Saya- selepas *form five* [tingkatan 5] itu saya ada nak buat *degree* [Ijazah Sarjana Muda] untuk pergi ke Amerika tapi orang kata *twinning* [program] maknanya saya *dua* [2] tahun di sini dan dua [2] tahun di Amerika, *masa tu* [semasa itu] saya nak buat Pengurusan Perniagaan malang sekali kegawatan jadi saya dapat habiskan *dua* [2] tahun bermakna habis sampai diploma sahaja, saya *tak* [tidak] meneruskan sebab lepas *tak* [tidak] jadi *tu* [itu]- *tak* [tidak] jadi ke America *tu* [itu] saya bercinta dan berkahwin (ketawa) *so* [jadi] saya *tak* [tidak] ke Amerika kerana kegawatan lah sebenarnya *so* [jadi] patutnya habiskan *degree* [Ijazah Sarjana Muda] disana *tapi* [tetapi] *tak* [tidak] jadi.
- NA : (mengangguk) Baiklah. *Okay [baiklah], puan ada sebut mengenai diploma, adakah bidang yang puan ambil masa diploma itu menjadi pilihan pertama puan?*
- SH : Sebenarnya memang niat sebenar saya untuk menjadi ahli perniagaan tapi dek kerana saya memasuki industri seni, saya berlakon saya menolak tepi apa yang saya nak buat sebelum *ni* [ini]. Tetapi dalam pada masa yang sama, saya sentiasa ada yang saya lakukan orang kata- disebalik saya berlakon saya sentiasa ada *business* [perniagaan] yang saya buat secara sendiri yang kecil-kecilan, maknanya kalau orang nak *order* [pesan] macam tadi saya cakap orang nak *order* rendang ataupun orang nak *order* [pesan]--- ada *je* [saja] saya akan cuba

untuk memasak *ke* [atau] apa tapi orang kata memang awal-awal memang saya *nak* [mahu] jadi seorang ahli perniagaan bukan seorang pelakon. (senyum)

TA : *Okay [baiklah], jadi seperti yang saya lihat di laman sosial ‘Instagram’ puan, kelihatan puan seperti amat gemar membuat kuih raya seperti kuih sarang semut. Adakah puan pernah menyertai atau mengambil kursus kulinari di mana-mana tempat?*

SH : Tidak (menggelengkan kepala). Saya punya cara *nak* [mahu] belajar buat sesuatu terutama sekali kalau resepi-resepi kuih, biskut-biskut *ni* [ini] saya dapat daripada kawan-kawan saya resepi daripada emak dia- arwah emak dia (pembetulan) dan resepi-resepi *tu* [itu] orang kata (pejam mata sambil memikirkan) resepi turun temurun sebab dia memang yang--- ukuran pun dia pakai cawan bukan pakai gram *ke apa* [atau apa] *haaa* [ya] itu satu. Dan selain daripada *tu* [itu], saya banyak belajar melalui ‘Youtube’ ataupun laman sosial media di mana-mana yang ada *je* [saja] orang *share-share* [berkongsi] video *ke apa* [atau apa] saya kata, “Ohh macam menarik, kita *try* [cuba]”. Dan kalau jadi itu kadang-kadang bila kita *post* [muat naik] orang pun tengok dan orang cakap, “Hm macam sedap *je* [saja], jual *ke* [ya]??”, “Nak *ke* [ya]? Saya buatkan”. *Haaa* [ya] boleh lah saya jual. Secara *tak* [tidak] sengaja banyak yang jadi macam *tu* [itu] jadi saya- macam biskut bila raya- hari raya puasa saya akan buka *order* [tempahan] sarang semut adalah biskut yang paling orang kata *hot seller* [terlaris] saya- tahun ni saya hanya buat satu saja untuk *regular customer* [pelanggan tetap] saya akan buat saya punya suji arab *haaa* [ya] dia kira--- masa *tu* [itu] saya *tak* [tidak] ada pembantu jadi saya *tak* [tidak] boleh *nak* [mahu] buat banyak-banyak sangat *so* [jadi] itu yang saya kata *concentrate* [menumpukan perhatian] pada sarang semut saja masa tahun *ni* [ini] punya raya. (mengangguk)

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: SEJARAH DAN PENGALAMAN

NA : *Okay [baiklah] baiklah, seterusnya kita akan mulakan sesi tentang sejarah dan pengalaman puan sepanjang puan menjadi pelajar. Soalannya, pernahkah puan menceburi mana-mana program semasa di tempat belajar dan dimanakah lokasi terletaknya program tersebut?*

SH : Saya mungkin, *yelah* [ya lah] masa saya belajar *tu* [itu] banyak- kita selepas sekolah saya ada ambil *course* [kursus] untuk komputer sebab zaman saya bukan macam sekarang semua orang dah- orang kata dah dibesarkan dengan komputer. Masa saya, saya masih lagi ingat (senyum) saya terpaksa pergi kelas dan komputer bukan macam komputer sekarang semua besar semua kan? Apa pakai *floppy disk* [cakera liut] apa semua- *okay* [baiklah] itu kursus saya pernah lalui (melihat keluar) dan selain daripada *tu* [itu] masa saya di *college* [kolej]- saya ada mengikuti beberapa macam program-program yang *dia orang* [mereka] kelolakan di ‘Sunway College’ masa tu macam *course* [kursus] untuk *short courses* [kursus pendek] untuk *business* [perniagaan]- dan *short courses* [kursus pendek] untuk *English* [Bahasa Inggeris]- walaupun saya *ni* [ini] orang kata di rumah kita banyak orang kata (mencari ayat yang sesuai) *nak* [mahu] bertutur *tu* [itu] kadang-kadang lebih banyak berbahasa Inggeris. Bukan- secara *tak* [tidak] sengaja sebab emak kan memang (memegang muka) membesar zaman cakap orang putih- masa belajar cakap bahasa Inggeris kan? Kita terikut-ikut tapi--- *so* [jadi] kita kadang-kadang apa yang kita cakap *ni* [ini] kadang-kadang bersepeh jadi kena ambil *course* [kursus] Inggeris supaya *takdelah* [tidak lah] bersepeh sangat (ketawa) bila menulis (mengangguk) *haaa* [ya] itu antara *course* [kursus] yang saya pernah ambil lah. Selain daripada *tu* [itu], (melihat ke luar) saya

pernah buat *course* [kursus] di tempat lain, bukan di *college* [kolej] (menggeleng kepala)- bahasa isyarat sebab masa saya sekolah (menggarukening) memang- pernah di sekolah saya- di Sekolah Menengah Damansara Jaya *tu* [itu] ada kelas khas di mana orang bisu pekak [Orang Kurang Upaya] belajar di situ jadi saya jadi Penggerusi kelab *tu* [itu] *masa tu* [semasa itu]- kokurikulum masa *tu* [itu] kan? So [jadi] pernah juga ambil *course* [kursus] luar, sekarang *ni* [ini] cuma kurang *practice* [praktis] jadi *dah* [sudah] *tidak* [tidak] berapa pandai *haaa* [ya] dulu boleh lah kalau kata nak bersempang dengan orang yang kurang pendengaran ataupun *tidak* [tidak] boleh *nak* [mahu] bertutur *ni* [ini] kita laju *je* [saja] *nak* [mahu] bersempang dengan dia orang. Sekarang *ni* [ini] mengeja boleh lah *haaa* [ya] macam *tu* [itu] (ketawa) *haaa* [ya] itulah.

TA : (senyum) *Okay* [baiklah], jadi sepanjang puan menyertai program tersebut apakah momen-momen yang tidak dapat dilupakan semasa itu?

SH : (memandang ke luar sambil berfikir) Saya rasa banyak momen- apa juah momen dalam sepanjang saya belajar itu adalah- kita dapat bergaul dengan orang yang berbagai bangsa, berbagai agama dan saya suka sebab saya dapat buat kawan masa tu. Dan *dia orang* [mereka] antara orang yang *tidak* [tidak] kenal saya sebagai seorang pelakon sebab saya berlakon masa saya tingkatan *lima* [5] so [jadi] bila masuk *college* [kolej] *tu* [itu] umur *18,19* [18 atau 19 tahun] *tu* [itu] *dia orang* [mereka] tak *cam* [perasan] saya sebab *dia orang* [mereka] orang yang *tidak* [tidak] tengok drama *TV* [televisyen] apa semua kan ataupun *tidak* [tidak] tengok drama melayu, cuma yang melayu mungkin *cam* [perasan] lah *haaa* [ya] jadi pengalaman saya masa *tu* [itu] saya di- orang kata- secara *tidak* [tidak] sengaja sosial saya kerana saya sendiri bukan kerana saya seorang

pelakon. Orang *nak* [mahu] rapat dengan saya bukan kerana saya *ni* [ini] seorang pelakon di mana saya rasa itu lebih seronok sebab- *dia orang* [mereka] *takde* [tidak ada] macam *nak* [mahu] tanya pasal artis *tu* [itu] nak tanya pasal artis *ni* [ini] (menoleh ke kiri dan ke kanan) dan saya *tak nak* [tidak mahu] cerita pasal artis-artis sebab saya pun bukannya bergaul sangat dengan artis-artis lain sebab bagi saya macam saya cakap tadi lah saya--- itu kerjaya bukan saya punya memang- orang kata *nak* [mahu] *glamour* [glamor] *nak* [mahu] lepak-lepak dengan artis-artis lain, tidak.

NA : ***Okay* [baiklah], terima kasih puan. Jadi- pada ketika puan belajar sama ada di dalam negara ataupun di luar, bolehkah puan kongsi tentang suasana pembelajaran seperti struktur pembangunan yang disediakan ataupun kemudahan yang diperoleh kepada puan pada ketika itu?**

SH : (melihat ke luar) Saya- masa saya di ‘Sunway College’, saya di kampus mereka yang lama bukan di kampus yang sekarang, yang sekarang lebih gah lebih besar apa semua *tapi* [tetapi] yang saya seronok *tu* [itu] suasana disana sendiri dimana kita- biasa kita tengok dalam *TV* [televisyen] orang pergi *college* [kolej], masuk dalam bilik kuliah apa semua kan jadi bila kita sendiri mengalami *tu* [itu] rasa seronok *lepastu* [selepas itu] masing-masing datang dengan kereta *ke* [atau] dengan motor *ke* [atau] apa, pergaulan *tu* [itu] berbeza dengan kita bila kita di sekolah. Jadi bagi saya pengalaman yang saya *tak* [tidak] boleh lupa masa *tu* [itu] adalah bila kita dalam kuliah dan *masa tu* [semasa itu] *handphone* [telefon bimbit] pun baru nak wujud- jadi dia punya pengalaman bersempang *tu* [itu] lebih banyak daripada masing-masing menghadap *handphone* [telefon bimbit] macam sekarang *ni* [ini] kan? Orang bercakap dengan *handphone* [telefon

bimbit], orang *take* [tidak] bercakap dengan memandang *each other* [satu sama lain] *haaa* [ya] itulah dia.

TA : Jadi semasa puan menerima tawaran untuk belajar, apakah pandangan dan pendapat ahli-ahli keluarga puan dan adakah puan mendapat sepenuhnya sokongan daripada mereka?

SH : Oh, sudah pasti, cuma- ralatnya adalah saya pilih untuk ke *college* [kolej] swasta bukan- ke universiti ataupun kolej kerajaan jadi dengan masa *tu* [itu] niatnya nak pergi *twinning* [program] jadi dua [2] tahun, dua [2] tahun. Kalau saya pergi contoh macam *you* [awak] di Malaysia *ke* [atau] apa mungkin lebih banyak di *U* [universiti] sini kemudian ke luar negeri *so* [jadi] itu yang bila keluarga kata *okay* [baiklah] bagus juga nak pergi- bukan bagus dari segi apa bila kita di--- emak saya niatnya bila saya ke luar negara, dia *nak* [mahu] saya mendapat pengalaman yang berbeza semasa saya di luar negara, belajar dengan orang-orang lain lagi apa semua kan? Siap pesan lagi kalau pergi Amerika nanti kalau boleh cuba jangan bergaul dengan orang Malaysia sahaja. Supaya kita punya minda dan kita punya pemikiran terbuka (isyarat tangan) orang kata- banyak lagi pengalaman lain yang dapat di belajar, dipelajari dan dapat menerima lagi banyak pengalaman dalam negara orang malang sekali tak berlaku *so* [jadi]- dekat negara *ni* [ini] *jelah* [saja lah] *haaa* [ya] begitu (ketawa).

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: PENGALAMAN KERJAYA

NA : Berapakah pada awalnya bayaran yang diberikan kepada puhan pada ketika itu?

SH : Saya pun --- Kalau tak [tidak] salah saya, masa saya berlakon ‘Sayang Si Montel’ tu [itu], (sambal berfikir) saya menerima untuk satu carekarama, tak [tidak] salah saya dalam RM5000 sebab *leading* [watak utama] kan, kita ada dua orang dalam cerita tu [itu] kita dua-dua [kedua-dua] *lead* [watak utama] so [jadi] masa tu saya masih baru so [jadi] RM5000 lah untuk drama tu [itu]. (angguk)

TA : Baiklah, jadi apakah tugas yang perlu digalas pada ketika itu?

SH : Saya ceritakan dari mula. Dua orang *lead* [watak utama] dalam cerita tu [itu], saya bersama pelakon Kak Fauziah nama tu [itu]. Sebab saya orang baru masa tu [itu] jadi banyak yang saya meminta tunjuk ajar daripada pengarah, *assistant director* [pembantu pengarah] apa semua. So [jadi] banyak yang saya belajar macam mana untuk baca skrip (berfikir) dan macam mana [bagaimana] untuk memegang watak tu [itu] sebaik mungkin dan apa yang nak [perlu] disampaikan dalam cerita tu [itu] sendiri. So [jadi] tanggungjawab saya dalam cerita tu [itu] --- Bagi saya setiap ceritalah, yang saya berlakon kita kena [perlu] memahami keseluruhan cerita sebelum kita pergi ke *set* [tempat penggambaran], itu yang penting. (angguk)

NA : Dan seterusnya, bolehkan puhan kongsikan pengalaman manis dan juga pengalaman pahit yang puhan peroleh daripada kerjaya tersebut?

SH : Bagi saya lah, bila [apabila] saya berlakon filem ‘Cinta Luar Biasa’ dan juga ‘Senario’, pengalaman berlakon bersama dia orang [mereka] dan juga bila kita orang [kami] dapat pergi *road tour* [lawatan jelajah]. Sebab (berfikir) filem-

filem dulu bila kita dapat --- bila dia [filem] nak tayangkan di pawagam kita akan buat macam *promotion* [promosi], promosi tu di tiap-tiap [setiap] panggung di setiap negeri. So [jadi] kita pergi setiap *state* [negeri] di Malaysia ni [ini]. Dan itu pengalaman manis dia. Pengalaman tak [tidak] manisnya masa *road trip* [lawatan jelajah] apa semua tu [itu] bila [apabila] dengan Senario lah sebab ramai sangat orang apa semua dan (berfikir) dia kira macam kena [terjadi] kerumunkan jadi kita -- tangan orang mana memegang apa semua. Masa tu [itu] merisaukanlah, menakutkan dan bagi saya itu pengalaman buruk lah. Dan juga bila [apabila] dalam industri ni [ini] kita kena cekal sebab tak [tidak] semua yang kita dengar ataupun apa yang kita dengar dalam industri ni [ini] elok [baik] dan kita kena [perlu] kuat, dalam erti kata lain kalau kata cerita tu [itu] orang tak [tidak] suka, komen-komen orang dan pengalaman yang saya rasa saya tak [tidak] berapa suka adalah bila [apabila] orang nak [mahu] masuk campur hal peribadi juga dalam hal-hal kita, dalam hal-hal sehari-hari kita. Jadi bagi semua orang macam “*Just because* [hanya kerana] kita ni [ini] pelakon kita juga jadi hak milik semua orang”. Mungkin ya dari segi lakonan kita, tetapi bukan dari segi personal kita. Personal kita adalah milik kita sendiri sebenarnya. Pengalaman buruk bagi saya masa saya bercerai, apa-apa kata-kata tomahan ataupun kata-kata (menggayaikan percakapan) netizen pada ketika itu, apa yang dikata tanpa asal usul tanpa usul periksa, apa yang dikatakan tu [itu] kadang-kadang menyakitkan hati. Tapi [tetapi] kita nak [mahu] marah semua orang tak [tidak] boleh, kita kena [perlu] telan [terima] jelah [sahaja]. (tarik nafas)

TA : Baiklah, soalan seterusnya adakah puan mempunyai rakan sekerja yang sentiasa bersama puan sewaktu di dalam kesusahan?

SH : ---Macam saya cakap la, saya kurang sebenarnya [berkawan], saya ada kawan yang rapat dalam industri tetapi tak [tidak] adalah kata rapat sehingga saya nak [mahu] mencerahkan segala isi luahan hati apa semua. Cerita sikit-sikit boleh. Tapi tak [tidak] seluruhnya. Yang saya banyak kongsi [berkongsi masalah] adalah adik perempuan saya, dia lah tahu segala masalah saya ke apa ke dan kawan baik saya itu je[sahaja]. Sebab apa orang dalam industri ni kadang-kadang sebab kita kenal -- A, B kenal B dengan C, A dengan C pon kenal (memberi isyarat tangan), jadi kadang-kadang kalau kita sampaikan kat [pada] B mungkin B akan sampaikan kat [pada] C jadi benda tu [itu] bahaya. Dan secara tak [tidak] sengaja orang dalam industri ni [ini] juga ada yang *reporter* [wartawan] ke apa ke. Jadi kadang-kadang kita tak nak [tidak mahu] lah kongsi lebih-lebih nanti benda yang bukan-bukan yang keluar (isyarat keluar). Penyampaian tu [itu] kena [harus] lah di *limit* [had] kan orang kata. *So* [jadi] saya ada kawan baik sorang dan adik perempuan saya.

NA : **Baiklah, bagaimanakah industri seni ini dapat mengubah atau mempengaruhi setiap aspek kehidupan puan?**

SH : Sebenarnya kalau nak dikatakan, macam sekarang lah, kita sebenarnya dunia seni ni [ini] dia berbeza-beza sebab peredaran zaman dan teknologi dan kita sekarang macam-macam. Dengan sosial media apa semua jadi pengalaman saya dulu masa saya mula-mula berlakon pun saya banyak meluangkan masa dengan *reporter-reporter* [wartawan] sebab dia orang [mereka] ada majalah, ada surat khabar apa semua. Sekarang ni [ini], cerita kita yang kita *post* [papar] yang dalam sosial media pun akan diambil untuk dijadikan cerita di dalam laman (berfikir) --- media elektronik. Maknanya, (berfikir) segala surat khabar

elektronik apa semua, majalah elektronik. Dia orang [mereka] ambil daripada kita punya cerita je [sahaja]. Jadi berbeza dari segi itu, macam pengalaman yang banyak berubah dan (berfikir) membuatkan kita rasa macam “Ok macam mana saya nak mengendali cara saya dulu, saya kena ubah cara saya untuk apa yang saya nak buat dengan cara sekarang ni” (bermonolog). Dan mungkin cara sekarang ni [ini] pun orang kata nak jadi pelakon ni [ini] terlalu mudah. Bukan macam kita dulu, kita kena pergi --- Macam saya tu [itu] mungkin saya bernasib baik sebab, macam saya cakap tak [tidak] ramai orang yang berbadan besar nak [mahu] berlakon. Jadi saya takdalah [tidak lah] nak kata perlu pergi *audition* [ujibakat] ke apa ataupun pergi *casting* [pemilihan pelakon] ke apa. Tapi [tetapi] sekarang ni [ini] dengan adanya sosial media, dengan adanya laman-laman sosial yang lain ni [ini] semua macam senang-senang (menekankan) je [sahaja]. Sesiapa sahaja boleh jadi pelakon. Asalkan awak ada *follower* [pengikut] yang tinggi, senang awak boleh jadi pelakon. Walhal nak jadi pelakon ni tidak semudah A-B-C, bagi saya lah. Kita bukan hanya kena [perlu] ada minat tetapi kita kena [perlu] ada (berfikir sejenak) bakat. Saya hanya mengenali itu semua setelah saya berlakon beberapa drama dan beberapa filem. Bila orang datang kat [pada] saya mereka yang mengatakan “Awak memang betul-betul ada bakat dalam industri ini”, saya pun macam “Oh mungkin lah kan”. So [jadi] saya tak [tidak] ada kata diri saya memang berbakat tetapi daripada pengalaman saya sendiri kalau-kalau saya ni tak [tidak] berbakat saya rasa saya tak [tidak] akan kekal selama tiga puluh dua tahun [32 tahun]. Jadi kalau kata perubahan dari segi dulu dan sekarang ini, itu lah antara yang paling ketara cara orang nak jadi pelakon ni mudah sangat sekarang. Dulu susah. (angguk)

- TA : **Jadi bolehkah puan kongsikan satu pengalaman yang medorong puan untuk kekal dalam bidang seni?**
- SH : Bagi saya, selagi saya relevan, selagi orang masih ingin melihat ataupun ingin menyaksikan lakonan saya, saya akan kekal. Tapi [tetapi] bila [apabila] tiba masa akan nada suara-suara sumbang ataupun suara-suara komen yang akan mengatakan “Dah-dah lah ambil Syanie” -- Kalau ada ramai yang berkata gitu [begitu], saya akan mengundur diri. Bagi saya buat masa sekarang ini, masih lagi ada permintaan, saya akan teruskan. Selagi ada permintaan saya akan teruskan lakonan.
- NA : **Okay [baiklah]. Berdasarkan banyak pengalaman yang puan lakonkan, apakah satu watak yang jika diberi peluang puan mahu melakonkan watak itu semula kerana merasakan yang puan boleh lakukan dengan lebih baik?**
- SH : --- Saya rasa tak [tidak] ada (ketawa). Bukanlah kata nak banngga diri tetapi pada ketika dan saat saya melakonkan sesuatu watak tu [itu] saya rasa itu yang terbaik saya boleh buat sekiranya tidak, saya rasa pengarah akan bagitahu saya. Itu [lakonan] tak [tidak] capai [mencapai] apa yang dia nak [mahu]. Bila kita di lokasi kita sentiasa tanya “Ok ke tidak?”. Kita tanya pengarah “Puas hati ke tidak?”. Jadi buat masa sekarang ni [ini] saya rasa takdalah [tidak ada lah] kut, cerita-cerita yang saya berlakon yang nak saya lakonkan, ubah apa apa. Saya sebenarnya kurang tengok cerita saya sendiri, saya malu. Tapi [tetapi] daripada apa yang keluarga tengok apa semua dia orang [mereka] tak [tidak] pernah mengatakan “Kenapa tak buat macam ni!”. So [jadi], alhamdulillah lah orang kata *level* [tahap] dia punya berlakon sampai lah (ketawa).
- TA : **Baiklah soalan seterusnya, bolehkah puan kongsikan seorang pelakon yang**

berjaya memberikan impak yang kuat dalam kerjaya yang puan pilih?

- SH : Saya rasa seorang pelakon yang memberikan impak pada saya lah kan, Salih Yaakob dan juga Apek. Salih Yaakob masa saya berlakon ‘Lontong dan Sambal’. Dia [Salih Yaakob] banyak memberikan saya ruang untuk menjadi diri saya. Dan juga bila saya berlakon dengan Apek pun sama. Kita [saya] banyak berbincang dan *flow* [perjalanan] tu [itu] mudah. Bila kita [saya] berlakon itu mudah sahaja. So [jadi] dua pelakon ni [ini] lah bagi saya memberi impak pada saya.
- NA : **Okay [baiklah], berdasarkan pengalaman puan di dalam industri seni, iaitu selama 32 tahun, apakah satu watak yang puan masih belum dapat peluang untuk melakonkan?**
- SH : (teruja) Saya nak berlakon watak yang gila bukan gila tapi *psychopath* [psikopat]. Macam nampak ok [waras], tapi disebalik ok [waras] tu [itu] dia ruapanya ada dia punya benda yang orang tak [tidak] tahu. Ataupun watak-watak yang betul-betul garang, antagonis lah. Saya tak [tidak] pernah dapat watak antagonis. Tapi [tetapi] dalam ‘Cinta Luar Biasa’ saya ada sedikit tapi takdalah [tiadalah] nampak teruk sangat kan. Ini yang betul-betul *serial, thriller* [bersiri, ngeri] saya tak [tidak] pernah dapat. Itu saya memang nak, tapi ramai orang cakap memang tak [tidak] boleh. Sebab dia [mereka] kata saya terlalu comel. Orang ramai cakap saya ni [ini] nampak tengok muka je [sahaja] dah ketawa. Saya macam seriuslah takkan la [tidak mungkin] langsung tak [tidak] boleh kan. Tapi orang selalu cakap macam tu [itu] saya pon tak tahu kenapa. (muka tertanya-tanya)

- TA : Baiklah, adakah puan berasa bahawa kerjaya puan dapat memberikan pengaruh kepada seseorang untuk menceburi bidang ini?**
- SH :** Untuk menceburi bidang ini saya tak [tidak] pasti, tetapi bagi saya pengaruh pada orang diluar sana yang berbadan besar untuk menjadi seorang yang lebih *confident* [yakin] ye [ya]. Tetapi untuk menjadi seorang pelakon tu [itu] saya tak [tidak] pasti lah. *Whether or []* setiap badan besar tu nak jadi berlakon ke tidak. Tetapi yang pasti bila saya berlakon bila saya jumpa dengan orang ke apa, banyak yang mengatakan dia nak *confidence* [] yang saya ada. Jadi saya sentiasa cakap dengan peminat-peminat saya yang berbadan besar, saya kata “Pengalaman saya sebagai seorang pelakon mengajar saya untuk berdepan dengan apa juu situasi” (bermonolog). Maknanya kadang-kadang bila kita nak pergi anugerah ke apa ke, contoh kita nak pergi anugerah. Saya akan rasa diri saya tak sesuai sebab yang pergi sana dengan cantiknya, dengan pakaian dia apa semua. Adakah saya ni sama *level* [tahap]? tetapi dari segi pengalaman ya, saya sama level je dengan dia orang. Mungkin saya tak boleh pakai pakaian yang dia orang [mereka] pakai tapi secara tidak sengaja saya mengajar diri saya untuk lebih *confident* [yakin]. “Ok, Syanie you layak untuk pergi’ (bermonolog). *So* [jadi] nak benda yang sama diterapkan dalam diri mereka untuk kehidupan seharian mereka, peminat-peminat saya yang berbadan besar saya nak mereka pikir yang walupon saya berbadan besar saya mampu melakuakn. Tapi untuk jadi pelakon tu wallahualam lah, terpulanglah kalau dia orang [mereka] minat ke apa ke [atau] tak [tidak] kan.
- NA : Baiklah, pernahkah puan berasa kurang berpuas hati dengan bayaran yang diberikan?**

SH : Sepanjang saya menjadi pelakon, saya tak [tidak] pernah tak [tidak] berpuas hati kerana saya tak [tidak] kan [akan] ambil kalau kata ia [bayaran] terlalu rendah. Saya tak [tidak] kan [akan] ambil kalau ia tak setimpal dengan apa kerja-kerja yang saya lakukan. (berfikir) --- Kita jangan letak diri kita macam --- *Just because* [hanya kerana] kita nak berlakon kita nak rezeki tu, kita terima apa sahaja, tidak. Ini harga saya, mengikut pengalaman saya, dan ini harga mengikut cerita yang nak dilakonkan, berapa *scene* [babak] yang saya terlibat, berapa hari *so* [jadi] inilah harga dia. Sekiranya dia tidak boleh membayar, kita *negotiate* [berbincang] tapi [tetapi] ada harga tertentu, harga minimum yang saya tidak akan turun lagi. *So* [jadi] kalau kata dia orang [mereka] tak [tidak] terima *then* [kemudian] saya tak [tidak] ambil. Senang macam tu [itu], jadi saya tak [tidak] ada isitilah yang saya tak [tidak] puas hati tentang bayaranlah.

TA : **Baiklah, selain dibayar gaji, bagaimanakah kerjaya puan dapat mencipta nilai dalam hidup puan?**

SH : Nilai bagi saya lah, macam saya cakap tadi lah, pengalaman saya sebagai seorang pelakon ini mengajar saya untuk jadi lebih kuat, lebih *confident* [yakin], dalam mengharungi hari ke hari saya. Dan bagi saya nilai yang nak saya --- bukan hanya pada diri saya, tetapi pada orang luar sana untuk lebih berani, untuk mencuba apa juga bidang. Maknanya tak [tidak] kisah kita rupa macam mana, kita besar ke [atau] kecil ke [atau] apa, sentiasa berani mencuba. *So* [jadi] antara tulah [itulah] saya nilai yang perlu diterapkan dalam diri saya sendiri dan juga orang di luar sana.

NA : **Baiklah. Pernahkan puan merasai sebarang penyesalan sepanjang menceburい bidang seni dan juga mengapa puan menyukai kerjaya puan**

sekarang?

SH : Saya nak kata menyesal tak [tidak] ada, tapi [tetapi] kadang-kadang tu [itu] kecewa ada. Terutama macam saya cakap tadi bila kehidupan personal kita dilibatkan dalam segala yang berlaku seharian. Macam sentiasa di nilai, sentiasa di tengok, sentiasa di komen. Itu yang saya kecewa. Tetapi menyesal tidak. Sebab bagi saya sebagai seorang pelakon saya memang bersyukur sebab punca rezeki saya sepanjang saya dari lepas sekolah sampailah ke sekarang ni. Berlakonlah menjadi punca utama saya mendapat rezeki. *So* [jadi] takdalah [tiadalah] penyesalan.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: SUMBANGAN

TA : **Baiklah, sekarang ini kita ke soalan seterusnya iaitu sumbangan. Jadi apakah sumbangan puhan terhadap industri seni yang diceburi?**

SH : Bagi saya kalau nak ikut sumbangan, ia adalah (berfikir) bukan dari segi lakonan tetapi bila kita ni [ini] bercampur dengan *artist-artist* [pelakon] lain akan dijemput untuk pergi (berfikir) buat kerja-kerja amal. Kira banyak memudahkan dari segi itu sebab ramai je [sahaja] yang buat program-program, kerja amal, mencari artis-artis untuk terlibat sama. Jadi saya rasa sumbangan saya kepada masyarakat ke apa dari segi itu saya boleh lah membantu sedikit sebanyak. Dan juga sumbangan dari segi macam sekiranya ada yang peminat-peminat yang memang rapat dengan saya, ataupun memang saya kenal, yang memerlukan bantuan lebih mudah untuk saya meminta bantuan itu daripada saluran-saluran kawan-kawan *artist* [pelakon] yang lain yang nak

[mahu] membantu. Itulah rasa sumbangan dari saya itu adalah.

NA : Pada ketika ini, berapakah jumlah drama dan telefilem yang telah dilakukan oleh puan?

SH : *Wow! [wah] (berasa kagum)* Saya rasa adalah drama dan juga drama bersiri mungkin lebih daripada ratusan lah sepanjang *career* [kerjaya] saya. Filem untuk tayangan panggung ataupun untuk ‘AstroFirst’ apa semua saya rasa lebih daripada lima belas. Saya tak [tidak] pernah kira (menggelengkan kepala), saya tak [tidak] pernah duduk kira berapa apa semua, saya tak [tidak] pernah. Suami saya pernah tanya kenapa awak [Syanie] tak [tidak] simpan skrip-skrip awak yang awak berlakon. Saya rasa kalau saya simpan dah penuh kut satu bilik. *So [jadi]* saya sepanjang tiga puluh dua tahun saya rasa banyak. Cuma saya tak [tidak] kira (ketawa). Secara jujurnya memang saya tak [tidak] pernah kira.

TA : Pada pendapat puan, bagaimanakah generasi sekarang boleh memberi sumbangan terhadap pembangunan seni dan dalam bentuk apakah sumbangan kepada industri seni dapat diberikan?

SH : Kalau nak ikut, macam *artist-artist* [pelakon] sekarang ni [ini] mungkin banyak melibatkan diri, jangan memikirkan tentang diri mereka sahaja tetapi carilah cara-cara untuk sama-sama melibatkan diri dalam hal-hal kemasyarakatan supaya kita sama-sama dapat membantu. Sebab kita kena ingat, sebagai seorang *artist-artist* [pelakon] ni [ini] secara tidak langsung kita dapat memberi impak dalam macam-macam hal, dalam macam-macam perkara yang orang kata dari segi promosi ataupun mendapat dana ataupun mendapat bantuan apa semua. Kita sebagai *artist-artist* [pelakon] ni [ini] kadang-kadang, apa yang kita lakukan lebih mudah daripada orang lain. *So [jadi]* kalau *artist-artist* [pelakon]

sekarang dapat terlibat sama dalam mencari cara untuk membantu, *would be a good thing* [akan menjadi lebih baik].

- NA : **Pada pandangan puan, apakah kelebihan yang akan diperolehi jika seseorang itu memberikan yang terbaik ketika dalam melakukan sesuatu?**
- SH : *Of course* [sudah pasti] lah, orang kata kalau setiap benda yang kita lakukan dengan baik, yang paling penting kita akan mencapai kepuasan, pada diri kita sendiri dan juga orang yang bersama dengan kita, ataupun orang yang kita bantu. Dan saya rasa kena [perlu] ada sikap yang sentiasa bersyukur. Itu yang penting. Tapi [tetapi] apa pun kepuasan pada diri sendiri bila kita lakukan yang terbaik kita tak [tidak] kan [akan] ada penyesalan ataupun memikirkan adakah saya telah buat yang terbaik, kita takda [tidak ada] tertanya-tanya. Ini kalau kita buat yang terbaik, kita takkan ada persoalan.

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: HARAPAN

- TA : **Baiklah sekarang ini kita telah sampai di segment yang terakhir iaitu segment harapan. Jadi soalannya apakah harapan puan terhadap industri seni untuk masa yang akan datang dan adakah puan berharap suatu hari nanti industri seni akan lebih menghargai pelakon veteran?**
- SH : *Of course* [sudah pasti] lah kita taknak ambil contoh luar negara ke apa tapi itu memang contoh yang terbaik lah. Di luar negara lagi banyak pengalaman, lagi banyak pembayaran. Lagi banyak pengalaman, lagi di hargai. Tapi [tetapi] di

Malaysia ni sayang sekali, bila kita makin lama, dia nak bayar kita lagi murah. Sebab apa, *artist-artist* [pelakon] sekarang ni [ini] rasa diri mereka saja [sahaja] yang nak cari duit agaknya tak tahu lah [tidak tahu lah]. Sebab apa dia orang [mereka] akan mintak harga yang kadang-kadang, korang [mereka] tak pikir [fikir] ke orang lain tu [itu] terlibat dalam nak menjayakan satu-satu filem ataupun drama, ramai yang terlibat jadi kalau kau [pelakon] mintak banyak, *artist-artist* [pelakon] baru ni [ini] yang mintak banyak duit bajet yang ada untuk orang-orang lain akan di kecil, kecil, kecil (ulang perkataan). Jadi harapan saya tu [itu] adalah supaya *artist-artist* [pelakon] veteran ni, *artist* [pelakon] lama, lagenda-lagenda yang dalam industri, yang dah lama tak [tidak] berlakon, ataupun yang masih berlakon ke apa, dihargai sebaik mungkin. Dan ingatlah pengalaman mereka tu [itu] yang patut di nilai. Bukan sahaja adakah mereka ini akan boleh membawa orang untuk tengok cerita itu atapun tidak. Tapi [tetapi] korang [mereka] kena [perlu] pikir [fikir] -- orang-orang dalam industri ni [ini] kena [perlu] pikir [fikir] orang-orang lama ni [ini] disiplin mereka berbeza daripada *artist-artist* [pelakon] baru. Cara mereka bekerja, lain daripada *artist-artist* baru. Apa yang mereka bawa semasa pengambaran tu berbeza daripada *artist-artist* [pelakon] baru. So [jadi] hargailah *artist-artist* [pelakon-pelakon] veteran ni termasuk diri saya.

- NA : **Apakah pengajaran utama yang puan pelajari dalam hidup?**
- SH : Never give up, jangan mengaku kalah, sentiasa (berfikir) -- berfikiran positif. Sebab apa kadang dalam hidup ni [ini] kita sentiasa memikirkan adakah saya ni [ini] --- Kalau kita nak tengok belakang kita tak [tidak] akan ke depan. Kalau kita nak mengungkit cerita lama kita takkan [tidak akan] dapat memajukan diri.

Sebab tu [itu] saya cakap motto hidup saya adalah *live life to the fullest* [menjalani hidup dengan sepenuhnya]. Selagi mampu selagi daya, lakukan. Itu yang saya amalkan. Jadi kalau kata diri dah cuba tapi tak [tidak] lepas, tak [tidak] boleh buat, takpa [tidak mengapa]. *Atleast you* [sekurang-kurangnya awak] dah cuba. Jangan kata boleh ke, tak [tidak] cuba lagi tak [tidak] tahu. *So live life to the fullest* [jadi jalanilah hidup dengan sepenuhnya].

- TA : **Sebagai seorang manusia, kita tidak lari dari membuat kesilapan. Apakah harapan puan terhadap orang disekeliling yang terdekat terutama dalam industri?**
- SH : Sekarang ini dengan sosial media lah, saya rasa satu je [sahaja] saya nak kongsi dengan kawan-kawan *artist* [pelakon] lain, jangan mudah melatah, jangan terlalu seronok nak berkongsi segala benda yang kita lakukan hari-hari. Sebab kadang-kadang apa yang kita kongsikan tu [itu] boleh *backfire* [berkesudahan sebaliknya]. Jadi *artist-artist* [pelakon-pelakon] lama macam saya ni [ini] kena [perlu] belajar juga untuk menggunakan sosial media tapi [tetapi] yang dah pandai menggunakan sosial media tu [itu] berpada-patalah. Jangan semua benda nak kongsi, semua benda nak *share* [kongsi], lepastu [selepas itu] bila orang tegur, bila orang kata nak marah. Jangan macam tu. Apa yang anda *share* [kongsi] ibaratnya apa yang dah di *share* [kongsi] kan ialah untuk -- memang bagi dia suka hati aku lah, aku yang nak kongsi kan, ya, tetapi anda memberi ruang untuk orang berkata-kata. Sekiranya anda tak mau [tidak mahu] di kata, pikir dulu sebelum nak kongsi, macam tu [itu].
- NA : **Baiklah soalan terakhir bagi sesi ini, apakah harapan yang diharapkan untuk terus memberikan yang terbaik untuk diri puan sendiri?**

SH : Saya rasa bagi saya lah, *myself* [diri saya] lah, sebab saya rasa selama saya dalam industri ni saya tak ada bermusuh dengan siapa-siapa, saya tak pernah ada kontroversi ke apa, harapan saya adalah supaya saya sentiasa diterima dalam industri kerana bakat saya dan kerana pengalaman saya. Dan saya juga berharap agar akan kekal relevan sampai mungkin lagi lima enam tahun ke. *Cey* [Wah] kononnya lah kan. Sampai orang kata tak [tidak] larat nak gerak kut, harapan saya. Dan juga harapan saya adalah peminat-peminat baru, akan ada untuk orang-orang lama.

NA : **Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Puan Syanie Hisham di sepanjang berkhidmat sebagai Pelakon dan Pelawak Wanita Malaysia. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.**

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

LOG WAWANCARA

Nur Tashrina Aireen binti Sazli dan Nurul A'in binti Nordin menemubual Puan Syaniza binti Hisham, yang dilahirkan pada 1974, di Selangor. Temubual dijalankan secara dalam talian di platform Google Meet, mengenai pengalaman beliau sebagai seorang pelakon dan pelawak tanah air.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH		
2.27	Sesi pengenalan diri daripada Puan Syaniza binti Hisham	<ul style="list-style-type: none"> • Syaniza binti Hisham • Nama gelaran “Syanie”
2.36	Menceritakan tentang kelahirannya	<ul style="list-style-type: none"> • Dilahirkan pada 7 Mei 1994 • Dilahirkan di Hospital Assunta, Petaling Jaya, Selangor.
3.20	Menceritakan tentang diri beliau	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai 3 orang adik beradik seibu seapa • Sangat rapat dengan adik beradik • Beliau adalah anak sulung • Mempunyai 10 orang adik-beradik selepas ayah dan ibu berkahwin lain • Seorang yang ceria dan berterus-terang.
6.15	Menceritakan tentang tempat menetap	<ul style="list-style-type: none"> • Pernah menetap di Damansara Utama dan Taman Tun Dr Ismail

		<ul style="list-style-type: none"> • Kini menetap di Topicana
6.55	Menceritakan tentang hobi beliau	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau gemar melancong dan memasak
7.36	Menceritakan tentang perkahwinan beliau	<ul style="list-style-type: none"> • Bertemu di Facebook • Berkahwin selepas 6 bulan mengikat tali pertunangan.
11.00	Menceritakan tentang awal kerjaya beliau	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak terlintas untuk menjadi pelakon • Memulakan kerjaya dengan menjadi pelakon tambahan • Mendapat tawaran untuk berlakon selepas itu.
15.45	Menceritakan tentang pengalaman berharga sepanjang dalam industri	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapat peluang untuk menjadi pelakon di dalam industri sepanjang 32 tahun • Pernah mengeluarkan album solo namun tidak dilancarkan • Gembira dapat bergabung semula dengan rakan-rakan seperjuangan selepas beberapa tahun
BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN		
25.00	Menceritakan tentang pendidikan awal beliau	<ul style="list-style-type: none"> • Tadika Chin 1 • Sekolah Rendah

		<p>Damansara Utama selama tiga tahun dan berpindah Sekolah Rendah Damansara Jaya</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sekolah Menengah Damansara Jaya • Ingin meneruskan pengajian ke peringkat degree namun mempunyai halangan
--	--	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

BAHAGIAN 3: SEJARAH DAN PENGALAMAN

29.25	Menceritakan tentang program yang pernah dimasuki sepanjang di tempat belajar	<ul style="list-style-type: none"> • Menyertai kursus komputer • Menyertai kursus pendek bidang perniagaan • Menyertai kursus bahasa Inggeris
31.40	Menceritakan tentang suasana pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"> • Berbeza zaman dahulu dan sekarang • Dapat bergaul dengan rakan-rakan

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
8:00 AM	20 Mac 2023	Penerangan tentang kajian sejarah lisan oleh Puan Nurulannisa dan membentuk kumpulan yang terdiri daripada dua orang	Kumpulan telah ditubuhkan dan berbincang tentang tajuk kajian
10:00 PM	22 Mac 2023	Proses menyediakan diari kajian dimulakan	Kumpulan telah mula membuat diari kajian setelah selesai memilih tajuk kajian
8:00 PM	23 Mac 2023	Memulakan pencarian mengenai tokoh seni	Puan Syanie telah dipilih sebagai tokoh seni untuk menjayakan kajian
5:50 PM	24 Mac 2023	Menghubungi Puan Syanie	Untuk mendapatkan persetujuan dan juga tarikh untuk ditemubual
2:00 PM	18 April 2023	Menghasilkan abstrak kajian	Abstrak berjaya disiapkan
10:00 AM	20 April 2023	Proses menghasilkan soalan temubual	Soalan temubual berjaya disiapkan
11:00 AM	7 Jun 2023	Mendapatkan bimbingan daripada Puan Nurulannisa mengenai soalan	Senarai soalan diluluskan oleh pensyarah Nurulannisa
1:30 PM	26 Jun 2023	Penyediaan peralatan untuk sesi temubual	Penggunaan dua buah laptop dan juga dua buah tablet untuk membuat

			rakaman
2:40 PM	26 Jun 2023	Sesi temubual dijalankan	Temubual bersama tokoh dijalankan secara atas talian di platform Google Meet
3:50 PM	26 Jun 2023	Sesi temubual selesai	Kami berterima kasih kepada tokoh kerana sudi bekerjasama untuk menjayakan kajian ini
4:00 PM	26 Jun 2023	Menyemak semula rakaman yang telah dibuat	Berpuas hati dengan hasil rakaman
12:00 PM	27 Jun 2023	Proses penghasilan transkrip bermula secara berperingkat	Proses ini dijalankan secara berkala
1:00 PM	5 Julai 2023	Proses menghasilkan log temubual dijalankan	Proses ini menggunakan laptop dan aplikasi musik dan video untuk mendapatkan kejelasan semasa menyiapkan log temubual
11:00 PM	7 Julai 2023	Transkrip siap dihasilkan	Transkrip berjaya dihasilkan dengan tanda baca yang betul
8:00 PM	29 Julai 2023	Transkrip siap dihantar.	Transkrip siap dihantar dalam bentuk softcopy

SENARAI SOALAN

Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh

1. Bolehkah puan berikan nama penuh?
2. Bilakah puan dilahirkan?
3. Dimanakah tempat Puan dilahirkan?
4. Apakah nama gelaran yang diberikan kepada puan selain “Syanie”?
5. Bolehkah puan ceritakan tentang latar belakang kehidupan puan?
6. Apakah perkara menarik yang boleh puan berikan tentang diri puan?
7. Mengenai latar belakang puan, bolehkan puan ceritakan berapakah jumlah bilangan adik-beradik dan serba sedikit tentang mereka?
8. Apakah gaya hidup yang telah diterapkan kepada puan dan adik-beradik dari sejak kecil?
9. Apakah kenangan yang tidak dapat dilupakan apabila puan berada bersama-sama keluarga puan?
10. Dimanakah lokasi puan pernah menetap?
11. Apakah hobi atau perkara yang telah menjadi kebiasaan puan setelah dewasa?
12. Seperti yang sedia maklum, puan telah pun berkahwin. Jadi bolehkah puan ceritakan sedikit tentang pasangan puan?
13. Dimanakah puan bertemu pasangan puan?
14. Apakah perkara yang menyebabkan puan terdetik untuk melibatkan diri ke dalam bidang lakonan?
15. Seterusnya, bolehkah puan ceritakan penglibatan awal puan ke dalam industri lakonan dan bidang seni ini?
16. Siapakah pendorong yang selalu memberi semangat kepada puan untuk meneruskan bidang seni?
17. Apakah pengalaman paling bermakna bagi puan sepanjang berada dalam bidang seni?
18. Antara filem-filem yang puan pernah berlakon dari tahun 1992, yang manakah lebih memberi impak terhadap hidup dan kerjaya puan?
19. Bolehkah puan terangkan mengapa puan mengeluarkan album solo dan maksud disebalik lagu tersebut?

20. Baru-baru ini puan telah menjadi seorang watak di dalam filem Jaga-jaga Senariunion, jadi bolehkah puan ceritakan sedikit tentang pengalaman sepanjang pembikinan filem ini dilakukan?
21. Siapakah yang mendorong atau memberi idea kepada puan sepanjang menjadi seorang pelawak?
22. Seperti yang kita sedia maklum, seluruh negara pernah dilanda virus Covid- 19, jadi apakah yang menjadi pendorong dan pembakar semangat puan untuk meneruskan kehidupan?

Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan

1. Dimanakah puan memulakan pendidikan awal?
2. Seterusnya, dimanakah puan memulakan persekolahan rendah?
3. Apakah tahap peringkat pengajian puan?
4. Adakah puan pernah menyertai mana-mana kursus di universiti?
5. Adakah bidang ini merupakan pilihan pertama puan?
6. Semasa mengambil bidang tersebut, adakah puan terfikir untuk menjadi seseorang yang berada di dalam bidang seni?
7. Seperti yang saya lihat di laman sosial (Instagram) puan, kelihatan seperti puan amat gemar membuat kuih raya seperti kuih sarang semut. Adakah puan pernah menyertai atau mengambil kursus kulineri di mana-mana tempat?

Bahagian 3: Sejarah dan Pengalaman

1. Pernahkah puan menceburi mana-mana program sepanjang berada di tempat belajar?
2. Dimanakah lokasi terletakknya program tersebut?
3. Apakah momen-momen yang tidak dapat dilupakan semasa melaksanakan program tersebut?
4. Pada ketika itu, bolehkah puan berkongsi tentang suasana pembelajaran seperti struktur bangunan yang disediakan dan kemudahan yang diperoleh kepada puan?
5. Semasa puan menerima tawaran untuk belajar, apakah pandangan dan pendapat ahli-ahli keluarga puan?
6. Adakah puan mendapat sepenuhnya sokongan dari sahabat-sahabat puan?

7. Adakah puan membuat kerja sambilan sepanjang belajar di universiti?
8. Apa yang menarik minat puan untuk belajar disitu?
9. Pada ketika ini, apakah anugerah ataupun pencapaian yang telah puan peroleh?
10. Jika dapat diputarkan waktu, apakah pesanan puan kepada diri puan sewaktu muda?
11. Perkara apakah yang sentiasa menjadi pembakar semangat puan untuk mencari rezeki?
12. Apakah pendapat puan tentang kejayaan yang diperolehi setakat ini?
13. Apakah kata-kata ataupun anugerah yang paling bermakna dalam hidup puan?

Bahagian D: Pengalaman Kerjaya

1. Bolehkah Puan kongsikan sedikit, apakah kerjaya pertama Puan selepas tamat pengajian?
2. Adakah kerjaya tersebut berkaitan dengan bidang pengajian puan?
3. Berapakah bayaran yang diberikan kepada puan ketika itu?
4. Siapakah yang memberikan dorongan kepada puan untuk menceburi kerjaya tersebut?
5. Bagaimanakah puan boleh menceburkan diri di dalam kerjaya tersebut?
6. Apakah tugas yang perlu digalas pada ketika itu?
7. Boleh puan kongsikan pengalaman manis yang puan peroleh dari kerjaya tersebut?
8. Bolehkah puan kongsikan juga pengalaman pahit pada ketika itu?
9. Berapa lamakah puan di dalam kerjaya tersebut?
10. Boleh berikan sebab mengapa puan memilih untuk tidak meneruskan kerjaya itu?
11. Adakah puan ada melakuan lain lain pekerjaan sebelum menceburi bidang seni?
12. Adakah puan mempunyai rakan sekerja yang sentiasa bersama puan sewaktu di dalam kesusahan?
13. Bagaimanakah industri seni mengubah atau mempengaruhi setiap aspek kehidupan puan?
14. Bolehkah puan kongsikan satu pengalaman yang mendorong puan untuk kekal dalam bidang seni?

15. Dalam banyak banyak pengalaman yang puan lakonkan, apakah satu watak yang jika diberi peluang puan mahu melakonkan watak itu semula kerana merasakan yang puan boleh lakukan dengan lebih baik?
16. Bolehkah puan kongsikan seorang pelakon yang berjaya memberikan impak yang kuat dalam kerjaya yang puan pilih?
17. Apakah satu watak yang puan masih belum mendapat peluang untuk dilakonkan?
18. Adakah puan berasa bahawa kerjaya puan dapat memberikan pengaruh kepada seseorang untuk menceburi bidang ini?
19. Adakah puan pernah berasa kurang berpuas hati dengan bayaran yang diberikan?
20. Selain dibayar gaji, bagaimanakah kerjaya puan dapat mencipta nilai dalam hidup puan?
21. Pernahkah puan merasai sebarang penyesalan sepanjang menceburi bidang seni?
22. Mengapakah puan menyukai kerjaya puan sekarang ini?

Bahagian E: Sumbangan

1. Apakah sumbangan puan terhadap industri seni yang diceburi?
2. Berapakah jumlah drama dan telefilem yang telah dilakonkan oleh puan?
3. Pada pendapat puan, bagaimanakah generasi sekarang boleh memberi sumbangan terhadap pembangunan industri seni?
4. Dalam bentuk apakah sumbangan kepada industri seni dapat diberikan?
5. Pada pandangan puan, apakah kelebihan yang akan diperolehi jika seseorang itu memberikan yang terbaik ketika melakukan sesuatu?

Bahagian F: Harapan

1. Apakah harapan puan terhadap industri seni untuk masa yang akan datang?
2. Adakah puan berharap suatu hari nanti industri seni akan lebih menghargai pelakon veteran?
3. Bagaimanakah puan berharap untuk sentiasa diingati?
4. Bagaimanakah puan berfikir orang akan mengingati puan?
5. Sebagai seorang manusia, kita tidak lari dari membuat kesilapan, apakah harapan puan terhadap orang disekeliling yang terdekat terutama dalam industri?
6. Seperti apakah harapan yang diharapkan untuk terus memberikan yang terbaik untuk diri puan sendiri?



Cawangan
Kelantan Kampus
Machang

Surat Kami : 100-CK(HEA 30/7/2)
Tarikh : 15 Jun 2023

KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

BIL	NAMA	NO. PELAJAR
1	NURUL A'IN BINTI NORDIN	2022785967
2	NUR TASHRINA AIREEN BINTI SAZLI	2022981905

Adalah dimaklumkan bahawa penama di atas merupakan pelajar dari **FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT** bahagian (05) yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan mata pelajaran yang mereka ikuti iaitu **ORAL DOCUMENTATION (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahi siakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan/puan boleh menghubungi **NURUL A'IN BINTI NORDIN** di talian **019-4544728**.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat diberikan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar

RUSLINDA RAZAK
PENOLONG PENDAFTAR KANAN
b.p Rektor

Bahagian Hal Ehwal Akademik
Universiti Teknologi MARA Cawangan
KelantanBukit Ilim, 18500 Machang,
Kelantan
Tel: (+09)976 2000/2162/2266 Faks: (+09)9762156
Email : trheakin@kelantan.uitm.edu.my



GAMBAR 1: PENGESAHAN PROJEK SEJARAH LISAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya**Syaniza.binti.Hisham**..... K/P....., pada
.....**26.Jun.2023**..... dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakanyang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh: Syaniza binti Hisham)
Tarikh: 26 Jun 2023

(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)
b.p. Penolong Naib Canselor
Pengajian Sains Maklumat
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik
dan Media
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

GAMBAR 2: SIJIL PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

GAMBAR



GAMBAR 3: SESI TEMU BUAL DI PLATFORM GOOGLE MEET

INDEKS

A

Adik-beradik 2, 3, 19, 33

Anak i, iii, 2, 33

Anugerah 23, 40

Assalamualaikum 1

B

Bagus 6, 16

Begitu v, 3, 9, 16, 21

Bidang iii, iv, v, 1, 5, 6, 7, 11, 21, 23, 24

Biskut 12

C

Cakera 8

Cinta 7, 17, 22

College 13, 14, 15, 16

Confident 23, 24

Course 13, 14, 27

D

Degree 11, 35

Dewasa 3, 38

Dorongan i, 40

Dunia 19

Duit 6, 28

E

Emak 2, 3, 6, 8, 9, 12, 13, 16

Elektronik 19, 20

F

Facebook 3, 34

Filem 7, 8, 9, 10, 17, 18, 20, 28, 38, 39

Fullest 2, 29

G

Gelaran 2, 33

Gemar 12, 34, 39

Google 1, 33, 37, 44

H

Harapan 27, 28, 29, 30

Hidup 1, 2, 24, 28, 29

Hospital iv, 1, 33,

I

Ibu 2, 3, 5, 6, 10, 33

Industri 5, 6, 7, 8, 11, 18, 19, 20

J

Jodoh 3, 4

K

Kerjaya 7, 15, 17, 22, 23, 24, 26

Kolej 13, 14, 15, 16

Komputer 13

L

Life 2, 29

Live 2, 29

Lontong 6, 7, 22

Lucky 2

M

Malaysia

N

Negeri 16, 18

Negotiate 24

Netizen 18

Never 28

O

Order 11, 12

P

Pelakon

Pelawak

R

Rezeki 4, 6, 10, 25, 40

Road 17, 18

S

Salam 1

Sejahtera 1

Solo 8, 34, 38

T

Temubual 1

U

Utama 3, 11, 17, 25, 28

Universiti 16, 39, 40

V

Veteran 27, 28, 41

Villa 11

Virus 10, 39

W

Wanita 1, 8, 30

Wabarakatuh 1

Warahmatullahi 1

Y

You 8, 16, 29

Z

Zaman 13, 19, 35